



Siaran Akhbar

31 MEI 2020 TARIKH AKHIR BAGI ISI RUMAH B40 DAN OKU MENDAFTAR UNTUK DAPATKAN DEKODER MYFREEVIEW PERCUMA

- Daftar melalui laman sesawang www.mytvbroadcasting.my/B40 atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan MYTV di talian 1800-18-1088/1-300-80-6988
- Sila kemukakan butiran diri yang lengkap iaitu nama, nombor kad pengenalan, alamat dan nombor telefon

CYBERJAYA, 27 Mei 2020 --- Berbaki empat hari menjelang tarikh akhir 31 Mei 2020, isi rumah B40 dan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang masih belum menerima set dekoder myFreeview percuma adalah digesa untuk segera membuat pendaftaran melalui saluran yang disediakan.

Mereka boleh menyemak kelayakan seterusnya menyatakan minat bagi menerima dekoder percuma myFreeview dengan mengisi borang butiran diri yang lengkap iaitu nama, nombor kad pengenalan, alamat penuh serta nombor telefon di laman sesawang www.mytvbroadcasting.my/B40 atau menghubungi MYTV Careline di talian 1800-18-1088/1-300-80-6988.

Setakat 25 Mei 2020, seramai 157,276 individu terdiri daripada isi rumah B40 dan OKU telah mendaftar nama mereka untuk mendapatkan set dekoder myFreeview percuma. Selepas tarikh tutup 31 Mei 2020, urusan penghantaran dekoder melalui perkhidmatan kurier akan dilaksanakan ke seluruh negara secara berperingkat mulai bulan Jun.

Inisiatif ini yang dilaksanakan dengan tambahan 300,000 unit dekoder yang ditanggung oleh kerajaan bertujuan memastikan tiada golongan yang tercicir dalam mengakses informasi dan hiburan secara mudah, percuma dan berkualiti melalui penyiaran TV digital.

MyFreeview ialah jenama platform TV digital, tanpa bayaran bulanan, yang menampilkan 15 saluran televisyen definisi tinggi (HD) dan 6 saluran radio. Selain mendapat maklumat dan menikmati hiburan,

saluran myFreeview juga memberi peluang kepada penonton dan peniaga untuk melakukan perniagaan melalui saluran membeli-belah dari rumah.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Untuk maklumat lanjut, layari www.mcmc.gov.my atau hubungi Jabatan Komunikasi Korporat:

Kamalavacini Ramanathan
Pengarah
Tel: +6010-2251073

Markus Lim Han King
Timbalan Pengarah
Tel: +6012-2995027

Mohd Faizal Azizan
Timbalan Pengarah
Tel: +6011-28286745

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

